

SUN-DIANOX TABLET

Diphenoxylate Hydrochloride/Atropine Sulphate (2.5mg/0.025mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Sun-Dianox Tablet
2. Bagaimana Sun-Dianox Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Sun-Dianox Tablet
4. Cara menggunakan Sun-Dianox Tablet
5. Semasa menggunakan Sun-Dianox Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Sun-Dianox Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Sun-Dianox Tablet

Ia digunakan sebagai terapi tambahan untuk mengawal cirit-birit akut dan kronik.

Bagaimana Sun-Dianox Tablet berfungsi

Bahan-bahan aktif dalam ubat ini adalah Diphenoxylate Hydrochloride dan Atropine Sulphate. Diphenoxylate Hydrochloride mempunyai keberkesanan langsung untuk membantu mengurangkan bilangan dan kekerapan pergerakan usus. Ia berfungsi dengan memperlahankan pergerakan usus. Manakala Atropine adalah ejen anticholinergic iaitu sejenis alkaloid semula jadi. Ia bertindak dengan mengurangkan aktiviti motor di dalam perut, usus kecil dan besar untuk merawat cirit-birit.

Sebelum menggunakan Sun-Dianox Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Sun-Dianox Tablet jika:

- anda hipersensitif pada diphenoxylate or atropine atau mana-mana bahan kandungan dalam produk ini.
- anda mempunyai jaundis
- anda mengalami cirit-birit yang dikaitkan dengan penggunaan antibiotik tertentu atau jangkitan bakteria.
- anda mempunyai halangan usus, ulser dan keradangan di dalam saluran penghadaman.
- aktiviti anda memerlukan kecerdasan mental, seperti memandu atau mengendalikan jentera yang berbahaya kerana ia boleh menghasilkan rasa mengantuk atau pening.

- Sebelum menggunakan Sun-Dianox Tablet

Beritahu doktor anda jika anda mengalami keadaan berikut:-

- sindrom down
- penyusuan
- hamil
- masalah hati

Terapi elektrolit dan Cecair yang sesuai perlu diambil untuk mengelakkan dehidrasi yang disebabkan oleh cirit-birit. Terapi rehidrasi oral termasuk garam rehidrasi oral kekal menjadi rawatan yang paling berkesan untuk dehidrasi disebabkan cirit-birit. Pengambilan cecair yang banyak ini adalah penting.

Sun-Dianox boleh digunakan ketika hamil hanya jika faedah yang dijangka melebihi potensi risiko kepada janin.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa ubat-ubatan yang tidak boleh diambil bersama-Sun-Dianox Tablet. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat-ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Penggunaan serentak diphenoxylate hydrochloride dengan monoamine oxidase (MAO) inhibitor. Diphenoxylate hydrochloride mungkin meningkatkan tindakan sedatif, tranquilizers dan alkohol.

Cara menggunakan Sun-Dianox Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Pengambilan Oral

Dewasa

Dos permulaan yang disarankan ialah 5mg (dua tablet) empat kali sehari. Kebanyakan orang akan memerlukan dos ini sehingga kawalan awal telah dicapai, dan selepas itu dos boleh dikurangkan untuk memenuhi keperluan individu. Kawalan sering boleh dikekalkan dengan serendah 5mg (dua tablet) setiap hari.

Penambahbaikan klinikal cirit-birit akut biasanya boleh diperhatikan dalam masa 48 jam. Jika penambahbaikan klinikal cirit-birit kronik selepas rawatan dengan dos harian maksimum 20mg diphenoxylate hydrochloride tidak berlaku dalam tempoh 10 hari, simptom tidak mungkin boleh dikawal melalui pengambilan selanjutnya.

Kanak-Kanak

Sun-Dianox tidak digalakkkan pada kanak-kanak di bawah 6 tahun dan harus digunakan dengan berhati-hati pada kanak-kanak kecil

jumlah dos harian permulaan yang dicadangkan untuk kanak-kanak adalah 0.3 hingga 0.4mg / kg, dibahagikan sebagai empat dos. Jadual berikut menunjukkan anggaran dos permulaan harian yang dicadangkan untuk kanak-kanak.

Umur	Anggaran Berat Badan	Dos
6 - 8 tahun	20 -27 kg	1 tablet, 3 kali sehari
8 - 12 tahun	27 – 36 kg	1 tablet, 4 kali sehari
12 tahun dan ke atas		2 tablets, 3-4 kali sehari (dos dewasa)

- Bila perlu digunakan

Gunakan Sun-Dianox Tablet apabila diperlukan dan mengikut preskripsi doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Ia adalah penting untuk mengambil Sun-Dianox dalam tempoh yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos tambahan untuk menggantikan dos yang terlepas. Hanya mengambil dos pada masa seterusnya seperti biasa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda-tanda awal dos berlebihan mungkin termasuk kekeringan kulit dan membran mukus, pengembangan anak mata keresahan, memerah, hipertermia (suhu badan meningkat yang tidak normal), dan peningkatan kadar degupan jantung yang tidak normal diikuti oleh kelesuan atau koma, refleks ton otot berkurang, pergerakan mata di luar kawalan dan masalah pernafasan.

Semasa menggunakan Sun-Dianox Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Sun-Dianox tablet dengan tepat sebagai mana yang ditetapkan.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berkongsi ubat anda dengan orang lain walaupun mereka mempunyai masalah yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat.

Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Sun-Dianox Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.Pada dos terapeutik, yang berikut telah dilaporkan.

Sistem Saraf: Kebas pada kaki dan tangan, keriaran atau kegembiraan, kemurungan, kelesuan / keletihan, kekeliruan, sedatif / mengantuk, pening, kegelisahan dan sakit kepala.

Alahan: Anafilaksis, bengkak dermis kulit, geligata, bengkak gusi dan gatal.

Gastrousus: keradangan usus, lumpuh otot usus, keradangan pankreas , muntah, loya, kecelaruan gaya pemakanan dan ketidakselesaan perut.

Kesan sampingan Atropine Sulphate adalah hipertermia, peningkatan kadar degupan jantung, pengekalan kencing, memerah, kekeringan kulit dan mukus membran. Simptom-simptom ini mungkin berlaku, terutamanya pada kanak-kanak.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami simptom-simptom lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→Reporting*)

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat, cembung mendalam, kosong dan berwarna putih dengan ukiran 'SW' di satu permukaan.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif
Diphenoxylate Hydrochloride 2.5mg
Atropine Sulphate 0.025mg

- Bahan- bahan tidak aktif

- Lactose
- Maize Starch
- Magnesium stearate

- Nombor MAL

MAL19991906AZ

Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

24/02/2016

Nombor siri

BPFK(R4/1)280116/00019

Cara penyimpanan dan pelupusan

Sun-Dianox Tablet

- Penyimpanan

Simpan pada suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya.